



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**
Shaping the Future

E-ISSN: 2682-7948

Buletin APB

EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN





AnyGames Cons 2023

SHARINA SALMI BINTI AZMI, AFNI ANIDA ADNAN
& ANGELINE RANJETHAMONEY VIJAYARAJOO (AP, DR.)

UITM KAMPUS SEREMBAN

Bertempat di Jaya Shopping Centre, Petaling Jaya telah berlangsung Malaysia Tabletop Games Convention pada 29-30 Julai 2023 bersamaan dengan hari Sabtu dan Ahad. Konvensyen yang dibawakan oleh Any Games ini merupakan satu organisasi komuniti yang bertanggungjawab menganjurkan konvensyen Permainan Tabletop terbesar di Malaysia. Ia menghimpunkan peminat-peminat permainan meja dari seluruh Malaysia untuk menghadiri acara yang berprestij ini. Untuk makluman, tiket penyertaan konvensyen hanya dikenakan kepada pengunjung yang berumur 13 tahun ke atas, dan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah boleh menyertai konvensyen ini secara percuma.

Di antara keunikan konvensyen ini ialah ianya menampilkan pelbagai jenis permainan di seluruh dunia dan mempunyai lebih kurang 70 gerai pameran sepanjang dua hari konvensyen ini berlangsung. Selain berpeluang untuk mencuba pelbagai jenis permainan yang menarik dan mengujakan, pengunjung juga dapat berinteraksi dan bersosial dengan pengunjung lain yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Sebagai pengunjung, anda berpeluang untuk bertemu dengan ramai pakar pembangun permainan yang begitu kreatif mencipta pelbagai jenis permainan yang ternyata menguji minda para pemain yang terlibat. Terdapat berbagai-bagai jenis permainan yang disediakan oleh pakar pembangun permainan seperti Frame, Nasi Lemak, Bomoh, Tengah makan apa hari ni? Cili Padi, Meja Belakang dan bermacam lagi nama permainan yang begitu unik dan menarik.

Secara amnya, penganjur telah berjaya mewujudkan satu usaha yang positif dan membawa kebaikan kepada banyak pihak. Di samping itu, platform sebegini dapat membuka lebih banyak ruang dan peluang kepada semua pihak yang terlibat untuk bertukar pendapat dan berkongsi ilmu serta kepakaran masing-masing.



Secara tidak langsung, pakar pembangun permainan dapat mempromosikan jualan permainan mereka dan juga membuat penambahbaikan dengan mengambilkira komen-komen yang diberikan ketika sesi konvensyen berlangsung.

Aktiviti-aktiviti ini ternyata mendapat sambutan hebat dari ramai pengunjung yang bukan sahaja sebagai hiburan akan tetapi memberi manfaat dari segi ilmu pengetahuan am di samping menghabiskan masa bersama keluarga.

Diharapkan konvensyen yang diadakan pada setiap tahun ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang dan menarik lebih ramai pengunjung untuk bersama-sama menyertainya.

